

Newspaper

Utusan Malaysia

Date

19 January 2016

# POLISI LAHIRKAN GENERASI TERPELAJAR

UM - 19/1/2016



**MD. SHUKRI  
SHUIB**

**N**EGARA kita bertuah kerana dikurniakan kepemimpinan yang berhaluan positif dan memikirkan soal rakyat dalam pelbagai aspek kehidupan serta pembinaan negara.

Lihat sahaja bagaimana Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein, bekas Perdana Menteri kedua yang juga bekas Presiden UMNO kedua selepas Tunku Abdul Rahman al-Haj, yang juga pengasas kepada perpaduan politik nasional pasca pergolakan kaum akibat ketidakseimbangan ekonomi dan sosial penduduk menerusi penubuhan Barisan Nasional (BN).

Tun Abdul Razak yang kita kenang kini ialah bapa pengurusan politik dan keselamatan negara. Strategi politiknya menjadi asas kepada perpaduan nasional dan juga pembinaan Kabinet pelbagai kaum hingga modelnya masih diguna pakai masa kini.

BN ditubuhkan Tun Abdul Razak dengan penyertaan pelbagai parti termasuk pengkalan 'parti-parti asas perpaduan' yang bersatu sejak era pramerdeka menerusi Perikatan dengan gabungan tambahan parti-parti lawan.

Menariknya, parti-parti kerajaan dan parti pembangkang rupanya boleh bersatu dalam satu kepemimpinan dan membina kerajaan secara bersama. Gerakan yang dahulunya pecahan MCA bersama Pas yang merupakan pecahan UMNO bersama parti-parti pribumi Sabah dan Sarawak mampu menghidupkan kerjasama erat atas nama "persahabatan Malaysia" atas hasrat menyatupadukan rakyat dan membawa kestabilan kepada Malaysia.

UMNO, MCA dan MIC juga mampu bersikap terbuka menerima kepelbagaian parti yang dahulunya menjadi lawan mereka. Inilah uniknya gaya politik Tun Abdul Razak yang mampu menjadi 'mag-



**TUN ABDUL RAZAK** bersama isterinya, Tun Rahah Noah tiba di Rumah Rehat, Pekan untuk membuang undi pada Pilihan Raya Negeri Bandar Pekan, Pahang pada 24 Ogos, 1974.

net keharmonian' politik pasca tragedi 13 Mei 1969.

BN kini juga terhutang jasa dengan pemikiran Tun Abdul Razak yang membolehkan legasi Perikatan dapat diteruskan pentadbirannya. Ketika Perikatan UMNO, MCA, dan MIC terhakis sokongan politik di beberapa negeri dan terpaksa bergelut untuk kekal berkuasa, Tun Abdul Razak berjaya memulihkan survival Perikatan yang berjasa membawa negara kepada kemerdekaan dan membina Malaysia dengan bermodalkan pemikiran serta ketokohan yang dipercayai masyarakat politik ke atas beliau.

Malaysia berjaya diselamatkan dari anasir negatif kemusnahan akibat pergolakan kaum dan sentimen politik sempit. Ini membuka jalan kepada pendemokrasian yang dipimpin dengan aspek pembangunan dan keselamatan yang lebih dinamik.

Pemeliharaan elemen Perlembagaan dan juga pemantapan agenda pembangunan Bumiputera jelas terpapar tanpa pengabaian warga pelbagai kaum lainnya oleh pentadbiran Tun Abdul Razak.

Pemikiran Tun Abdul Razak yang unggul meliputi aspek perpaduan politik nasional serta pengupayaan

'model ekonomi perpaduan' telah menjadi intipati jelas hala tuju dan diterima pemimpin politik pelbagai parti serta diaplikasi secara bersungguh yang hingga kini masih disebut dan dijadikan acuan bagi pembinaan polisi ekonomi semasa.

Lihat sahaja dalam aspek perjuangan Tun Abdul Razak yang begitu antikemiskinan dan prorakyat telah menahirkan pelbagai dasar seperti Dasar Ekonomi Baru serta pelbagai institusi termasuklah pemerksaan Felra, Felcra, UDA, MADA dan pelbagai produk dalam bentuk institusi dan program khusus bukan sahaja bagi menjadi instrumen pengurusan pembangunan negara tetapi ia berfungsi juga dalam hal membasmi kemiskinan dengan cara yang tersusun dan terurus.

Era Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri adalah pencetus utama kepada kesedaran betapa dalam fasa awal kemerdekaan, kemiskinan perlu dibasmi secara besar-besaran demi memastikan negara dan komunitinya 'mampu hidup bermaruah dan berdaya saing serta maju.

Menerusi polisi diasaskan Tun Abdul Razak, lahirlah generasi terpelajar dan pasukan awal kumpulan

inilah menjadi penyambung legasi Tun Abdul Razak dalam pelbagai lapangan pekerjaan termasuk menjadi birokrat, pembuat dasar, ahli parlimen, menteri dan Perdana Menteri.

Perkembangan institusi pendidikan dan juga usaha pendemokrasian pendidikan awam juga giat dilaksanakan era Tun Abdul Razak. Rakyat mula disedarkan dengan kepentingan untuk menguasai elemen membaca, menulis dan mengira tetapi juga kesedaran menambahkan bilangan rakyat berpendidikan tinggi turut mula digerakkan.

Pada ketika banyak negara membangun lainnya sedang bertarung dengan dilema pemimpin tanpa visi dan hala tuju, Malaysia pada ketika itu sudah memikirkan soal penyediaan polisi jangka panjang demi memakmurkan negara dan membangunkan potensi rakyat.

Tun Abdul Razak ialah tokoh pembina negara dan adalah 'individu magnet' politik dan demokrasi negara yang ulung dan patut diingati sentiasa.

**PENULIS** ialah Pensyarah Hal Ehwal Politik dan Antarabangsa di Pusat Pengajian Antarabangsa (SOIS) Universiti Utara Malaysia (UUM)